



26 OCT, 2025

Anugerah sebagai perangsang

Sinar Harian, Malaysia



Anugerah sebagai perangsang



ASAM
PEDAS

A KADIR JASIN

Saya kerap menulis mengenai isu dan perkembangan negatif mengenai dunia korporat negara, khususnya yang berkaitan kerajaan dan bumiputera.

Bukan tujuan saya mensensasi atau memperlekehkan perniagaan sektor awam dan bumiputera. Saya mengkritik dan menegur kerana saya telah mengikuti perkembangan perniagaan kerajaan dan bumiputera ini agak lama iaitu lebih 50 tahun.

Seperti yang pernah saya ceritakan sebelum ini, saya mula menulis berkenaan ekonomi dan perniagaan sejak tahun 1972 ketika berkhidmat dengan *Bernama*. Dalam tempoh itu, saya telah melihat banyak episod jatuh bangun dan kemuflihan tabung-tabung pelaburan serta syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLIC dan GLC).

Bukan semua perniagaan berkaitan kerajaan hambar dan rugi. Banyak yang berjaya dan setanding atau lebih berjaya

daripada syarikat swasta bukan bumiputera. Misalnya, banyak syarikat besar di Bursa Malaysia, mengikut modal pasaran, adalah syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLIC).

Maklumat terbaharu menunjukkan Maybank sebagai GLC terbesar di Bursa Malaysia dengan diikuti oleh CIMB, Tenaga Nasional, Petronas Gas, SD Guthrie, MISC, RHB Bank dan Telekom Malaysia.

Baru-baru ini media massa melaporkan mengenai beberapa buah syarikat berjenama besar di negara kita mendapat pengiktirafan antarabangsa. Antaranya adalah Petronas, Malaysian Airlines (MAS) dan Maybank. Tiga GLC ini mendapat pengiktirafan daripada Brand Finance iaitu sebuah firma perunding jenama antarabangsa yang beribu pejabat di London.

Ia melaporkan yang Petronas mengekalkan kedudukan sebagai jenama minyak dan gas paling berharga dan kuat bagi tahun ini di rantau Asean dan ketiga paling kuat di dunia dengan nilai jenama AS\$14.4 bilion (kira-kira RM60.48 bilion).

Di luar sektor minyak dan gas, Petronas menduduki tempat kedua di Asean selepas *Development Bank of Singapore (DBS)*. Petronas juga menduduki tempat teratas di Asean dalam indeks persepsi kelestarian.

MAS pula diiktiraf sebagai juara jenama yang paling pantas berkembang. Nilai jenamanya berkembang 209 peratus kepada AS\$607 juta (RM2.5 bilion) dan kembali ke dalam penarafan sektor penerbangan dunia di tangga ke-45.

Turut disenaraikan adalah Maybank. Bank terbesar di Malaysia itu adalah antara 10 jenama perbankan paling berharga di Asean manakala KPJ Healthcare muncul sebagai jenama penjagaan kesihatan paling pantas berkembang di Asean.

Selain itu, MAS memperoleh beberapa pengiktirafan khusus dalam sektor penerbangan. Pengarah Urusan Kumpulan bagi Malaysia Aviation Group (MAG), Datuk Kapten Izham Ismail dalam satu kenyataan akhbar berkata, MAS dipilih sebagai salah sebuah daripada 10 syarikat penerbangan di dunia oleh kumpulan penerbitan antarabangsa, *Conde Nast*.

Conde Nast adalah penerbit majalah ternama seperti *Vogue*, *The New Yorker*, *GQ* dan *Vanity* dalam bentuk cetak, digital, video serta platform sosial. Ia beribu pejabat di New York, Amerika Syarikat.

Hasil kaji selidik di kalangan pembaca majalah *Condé Nast Traveller* yang disiarkan pada 7 Oktober meletakkan MAS di tempat kesembilan di kalangan 10 syarikat penerbangan terbaik di dunia.

Di tempat pertama adalah Qatar Airways dengan diikuti oleh Air New Zealand, Emirates, Etihad, Singapore Airlines, Swiss International, EVA Air, Virgin Atlantic, Malaysia Airlines dan All Nippon Airways.

MAS juga berjaya mengekalkan anugerah syarikat penerbangan besar empat bintang (*Apex Four Star Major Airline*) dalam penarafan rasmi 2026. Penarafan ini mengambil kira kecemerlangan yang konsisten dari sudut keselamatan, mutu perkhidmatan dan prestasi operasi. Ia dianugerahkan oleh *Airline Passenger Experience Association (APEX)* yang juga berpangkalan di New York.

Namun begitu, anugerah sahaja tidaklah memadai. Ia wajib dijadikan perangsang untuk memperbaiki prestasi di dalam segala bidang, khususnya kewangan. Selain menjana keuntungan untuk pelabur, tabung-tabung dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan juga mempunyai peranan sosial yang berat.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) misalnya bertanggungjawab kepada berjuta-juta pencarum dan pelabur yang berhak memperoleh pulangan yang baik setiap tahun.

**Datuk A Kadir Jasin ialah Tokoh Wartawan Negara*